



Uji Diri Kamu

Tulis “Adil” atau “Tidak adil” pada pernyataan di bawah.

	Situasi	Tindakan
1	Saya memberikan piza kepada semua ahli keluarga.	
2	Saya dan abang bergilir-gilir membersihkan bilik stor.	
3	Walaupun abang dan kakak lulus cemerlang, saya mengucapkan tahniah kepada kakak sahaja.	
4	Saya menasihati adik-adik saya supaya belajar bersungguh-sungguh.	
5	Saya memberikan makanan kepada semua haiwan peliharaan keluarga saya.	
6	Saya menyuruh adik membasuh gelas yang saya gunakan.	



Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.



BERANI DEMI NAMA BAIK KELUARGA



Fahami situasi.

Situasi 1

Kakak, tolong perlahan-bunyi radio kerana mengganggu orang lain.



Situasi 2

Maafkan saya, pak cik. Saya yang terpijak anak pokok itu.



Situasi 3

Kakak, itu kucing kami. Kucing kami ada loceng di leher.



Saya berasa gembira kerana dapat menjaga nama baik keluarga.



Nyatakan sikap berani yang ditunjukkan dalam gambar demi menjaga nama baik keluarga.



Ceritakan pengalaman kamu menunjukkan keberanian dalam menjaga nama baik keluarga.

q.1
q.2
q.4
q.5



Nota Guru

- Bimbing murid untuk menjalankan aktiviti.



Berani Demi Keluarga

Teliti gambar dan fahami dialog.



Nyatakan contoh sikap berani yang ditunjukkan oleh Lini dan Lina.



Jelaskan cara kamu bersikap berani demi menjaga nama baik keluarga.



Nota Guru

- Bimbing murid untuk menceritakan pengalaman bersikap berani demi menjaga nama baik keluarga.



Maruah Dijaga Keluarga Bangga

Baca dan fahami bicara hati.



10 Mei

Saya tabah hadapi dugaan. Saya diejek oleh kawan-kawan kerana muka bapa yang hodoh. Saya berasa sangat sedih.

Apabila guru minta saya bercerita mengenai orang yang dihormati, saya menceritakan jasa bapa. Muka bapa menjadi hodoh kerana melecur dalam kebakaran. Bapa meredah api untuk menyelamatkan saya.

Kawan-kawan terkejut mendengar cerita saya. Mereka tidak lagi mengejek saya. Mereka meminta maaf daripada saya.

Gina.



Apakah pengajaran yang kamu peroleh daripada bicara hati?



Mengapakah kamu perlu menjaga nama baik keluarga?

q.1
q.3



Nota Guru


- Minta murid mencari keratan akhbar atau cerita yang berkaitan dengan sikap berani mempertahankan maruah keluarga.



Kotak Keberanian Keluarga Saya

Mari hasilkan Kotak Keberanian.

Alatan dan Bahan



Benang kait, pen penanda, keratan kad manila dan gam.

1




Tuliskan dua kepentingan dan dua perasaan.

2



Gamkan bahagian yang berwarna merah.

3



Tebuk lubang dan masukkan benang kait.

4



Kotak Keberanian yang telah siap.

Kepentingan menjaga nama baik keluarga.

1. keluarga dihormati
2. keluarga disanjung

Perasaan apabila menjaga nama baik keluarga.

1. bangga
2. gembira



Nota Guru

- Bimbing murid untuk menjalankan aktiviti mengikut kreativiti.
- Sediakan keratan kad manila.
- Pamerkan kotak tersebut di Sudut Pendidikan Moral.
- Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti ini.



Menjaga Nama Baik Keluarga

Isi tempat kosong berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Berani menegur kesalahan.

Berani mempertahankan kebenaran.

Berani menolak pelawaan.

Berani mengaku kesalahan.

1 KEDAI RUNCIT

Mari kita pergi ke kedai runcit.

Maafkan saya. Ibu saya tidak izinkan.



2

Pak cik, bukan adik saya yang memetik buah itu.



3

Abang, janganlah mengejek budak itu.



4

Pak cik, maafkan adik saya. Dia tidak sengaja.



 Lakonkan situasi di atas.

9.2
9.5



Nota Guru

- Bimbing murid untuk menjalankan aktiviti.



Tegakkan Kebenaran Demi Keluarga

Fahami situasi dan selesaikan.

Zinta dan adiknya berjoging di taman rekreasi. Seorang budak lelaki terjatuh di hadapan adiknya. Ibu budak itu memarahi dan menuduh adik Zinta menolak anaknya. Sebagai kakak, apakah tindakan kamu?




Tindakan

Alasan

Cara menjalankan aktiviti:

1. Secara berkumpulan, bincangkan cara penyelesaian dan lengkapkan jadual.
2. Tampilkan hasil kerja setiap kumpulan.
3. Lihat dan tuliskan maklumat tambahan pada hasil kumpulan lain.



Nota Guru

- Bimbing murid untuk menjalankan aktiviti pembelajaran abad ke-21 (*Gallery Walk*).
- Sediakan situasi tambahan untuk aktiviti jika perlu.



Berani Menjaga Imej Keluarga

Fahami situasi dan tuliskan tindakan kamu.



Situasi 1



Tindakan kamu:

Situasi 2



Tindakan kamu:

Situasi 3



Tindakan kamu:

q.2
q.5



Nota Guru

- Bimbing murid untuk menjalankan aktiviti main peranan.



Uji Diri

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

sanggup

gembira

menegur

kebenaran

maruah

1 Saya sanggup mempertahankan _____ keluarga.

2 Saya _____ menghadapi dugaan demi kesejahteraan keluarga.

3 Saya berani menegakkan _____ sekiranya keluarga saya tidak bersalah.

4 Saya berasa _____ apabila dapat menjaga nama baik keluarga.

5 Saya berani _____ abang apabila dia melakukan kesalahan.

B. Ceritakan sikap keberanian yang pernah kamu lakukan demi menjaga nama baik keluarga.



Nota Guru

• Perbanyak halaman ini.



Mari berfikir barat.



Dikir Barat Kejujuran

Jujur jujur jujur selalu
Jujur dengan keluarga kamu } 2x

Bantu keluarga dengan ikhlas
Jangan kamu harap balas
Cakap benar berasa lega
Hati suka berasa bangga

Buat janji dengan orang
Kalau tepati berasa riang
Sikap jujur amalan ramai
Agar hidup menjadi damai

Jujur jujur jujur selalu
Jujur dengan keluarga kamu. } 2x



Berdasarkan lagu dikir barat, nyatakan sikap jujur dalam keluarga.



Nyatakan kesan apabila kamu bersikap jujur terhadap ahli keluarga.



Nota Guru

- Bimbing murid berfikir barat mengikut rentak lagu “Wau Bulan”. Layari Internet untuk mendapatkan rentak lagu yang bersesuaian.
- Galakkan murid membuat persembahan Dikir Barat Kejujuran semasa majlis atau program di peringkat sekolah.



Bercakap Benar Amalan Terpuji

Fahami cerita dan lakonkan.

Ibu Dibo hendak pergi ke pasar. Ibu meminta Dibo untuk menjaga adiknya.

A


1 Dudu, berhati-hati semasa bermain. Saya hendak menonton rancangan kartun "Robo".

2

Baiklah, abang.



B





C

1
Abang,
saya tidak sengaja.
Jangan beritahu
kepada ibu.

2
Dudu, kita patut
bercakap benar
supaya ibu percaya
kepada kita.



D

2
Saya juga minta
maaf ibu kerana tidak
menjaga adik.

1
Maafkan
saya ibu kerana
terlanggar lampu
kereta ibu.

3
Ibu maafkan
kamu kerana
bersikap jujur.



Pada pendapat kamu, apakah yang akan berlaku jika Dibo dan Dudu tidak mengakui kesalahannya?

- 10.1
- 10.2
- 10.3
- 10.4
- 10.5



Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.




Belon Kejujuran

Mari lakukan aktiviti.

Alatan dan Bahan




Kertas warna, gunting, penebuk lubang, gam, pen penanda, cawan kertas, benang dan reben.



Gunting kad warna mengikut bentuk belon.



Tulis contoh sikap jujur.




Lipat dan tampal.



Tebuk lubang.



Tebuk lubang dan tampal tajuk.



Ikat reben pada lubang.



Belon Kejujuran yang telah siap.



Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti ini.
- Pamerkan hasil kerja murid pada Sudut Pendidikan Moral.



Permainan Gelung Kejujuran

Mari bermain.

Cara bermain:

- Murid membuat kumpulan.
- Ketua kumpulan berdiri di garisan permulaan.
- Guru mengedarkan sampul situasi kepada ahli kumpulan.
- Sebutkan tindakan jujur berdasarkan situasi.
- Jika jawapan betul, ketua kumpulan melangkah masuk ke gelung.
- Ketua kumpulan yang merentasi semua gelung akan menjadi pemenang.



Air kopi tertumpah pada lukisan kakak.



Nenek memberikan hadiah kerana menolongnya.



Duit terjatuh dari poket abang.



Kamu terlupa memberikan kunci kepada ayah.



10.1
10.2




Nota Guru

- Permainan ini boleh dijalankan di dalam atau di luar kelas mengikut kreativiti.
- Sediakan situasi tambahan jika perlu.
- Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti ini.



Kejujuran Amalan Keluarga

Lengkapkan jawapan dan cari huruf ajaib.



Sikap jujur:

Kesan:

dico ■ tohi ahli kel ■ arga



Sikap jujur:

Kesan:

dip ▲rcaya ● oleh ayah






Sikap jujur:

Kesan:

Kakak be ● asa b ♥ ngga

Lengkapkan perkataan berdasarkan huruf ajaib pada halaman 70.



Susun perkataan di atas dan hasilkan slogan.
Apakah yang akan berlaku jika kamu tidak bersikap jujur dalam keluarga?

10.1
10.2
10.3
10.5



Nota Guru

- Bimbing murid melengkapkan slogan berdasarkan aktiviti di atas.
- Bimbing murid main peranan situasi mengikut kreativiti.
- Perbanyak halaman ini.



Uji Diri

Warnakan pada petak yang menunjukkan kejujuran.

1. Saya mengaku bersalah kerana menggunakan telefon bimbit abang tanpa kebenaran.

2. Saya menyerahkan wang derma RM50 yang diberikan oleh ayah kepada guru.

3. Saya meminta upah daripada ibu selepas menyiram pokok bunga.

4. Saya berasa bangga selepas menolong kakak dengan ikhlas.

5. Hubungan keluarga menjadi erat apabila kita bersikap jujur.

6. Saya akan disayangi oleh ahli keluarga jika saya bercakap benar.

7. Kita akan dihormati keluarga jika tidak amanah.

8. Sikap jujur memberikan imej yang baik kepada ahli keluarga.



Nota Guru

• Perbanyak halaman ini.



SIKAP RAJIN AMALAN KELUARGA



Fahami gambar di bawah.



Richee yang rajin.

Membantu kakak memetik buah.



Membantu ayah bercucuk tanam.



Membantu abang menangkap ikan.



Kepentingan

Jimat cermat.



Menambahkan pendapatan.

Meringankan beban keluarga.

Saya gembira bersikap rajin dalam keluarga.



Ceritakan pengalaman kamu bersikap rajin terhadap keluarga.



Nota Guru

- Bimbing murid menceritakan pengalaman.



Kacuma yang Rajin

Teliti peta alir di bawah.



Keluarga Kacuma ingin mengusahakan tanaman sayur.



Kacuma dan ayahnya menggembur tanah.



Kacuma membaja dan menyiram tanamannya setiap hari.



Kacuma memetik hasil tanamannya.



Kacuma dan ayahnya membuat batas dengan bersungguh-sungguh.



Kacuma menanam sayur di batas dengan tekunnya.



Kacuma menjual hasil tanamannya.



Kacuma berasa bangga kerana sikap rajinnya dapat membantu keluarga.



Ramalkan kehidupan Kacuma dan keluarganya pada masa hadapan.



Mengapakah kamu perlu bersikap rajin terhadap keluarga?



Nota Guru

- Bimbing murid memahami peta alir dan menjawab soalan.

Sang Kancil yang Gigih

Fahami cerita dan jawab soalan di bawah.



Senaraikan tiga sikap Sang Kancil yang boleh dicontohi.



Nota Guru

- Bimbing murid memahami komik dan menjawab soalan.



Keluarga Rajin Keluarga Sihat

Padankan situasi dengan sikap rajin untuk membasmi nyamuk Aedes.


Situasi



Longkang tersumbat.



Air bertakung.



Tin dan botol terbiar.

Sikap rajin

Mengumpul bahan kitar semula setiap hari.

Membersihkan longkang setiap hari.

Membuang tempat takungan air seminggu sekali.

11.1
11.2
11.5



Nota Guru

- Minta murid menceritakan pengalaman membasmi nyamuk Aedes di kawasan rumah.



Kolam Impian

Lengkapkan tempat kosong di bawah.

Ayah membina sebuah kolam ikan. Tunjukkan sikap rajin kamu sekeluarga bagi memelihara kolam ikan tersebut.



Kolam

Contoh:



Air kolam

Contoh:



Ikan

Contoh:



Apakah yang akan berlaku pada kolam ikan jika kamu sekeluarga tidak mengamalkan sikap rajin?



Bagaimanakah sikap rajin boleh meringankan beban tugas keluarga?



Nota Guru

- Bimbing murid melakukan aktiviti.
- Minta murid menceritakan cara mereka mengamalkan sikap rajin terhadap keluarga.



Usaha Tanga Kejayaan

Lengkapkan peta pokok di bawah.

Situasi

Adik tidak pandai membaca dan menulis.



Tindakan:
Mengajar adik setiap hari.

Kesan:
Adik pandai membaca dan menulis.

Perasaan:
Gembira

Abang mahu menyertai pertandingan badminton.



Kakak tidak pandai menunggang basikal.



11.1
11.2
11.3
11.4



Nota Guru

- Bimbing murid melengkapkan peta pokok.



Uji Diri

Cari dan warnakan perkataan yang tersembunyi.

BERUSAHA

RAJIN

GIGIH

TEKUN

DEDIKASI

BERSEMANGAT



KESUNGGUHAN

BERTERUSAN

TABAH

KOMITMEN

D	A	N	I	G	I	G	I	H	K	F
E	T	O	R	S	F	S	T	W	O	A
D	E	Z	A	Z	A	N	A	A	M	R
I	K	L	J	K	R	B	B	N	I	A
K	U	R	I	N	A	I	A	I	T	H
A	N	D	N	U	H	K	H	J	M	R
S	O	A	F	R	A	H	H	U	E	I
I	B	E	R	U	S	A	H	A	N	N
S	B	E	R	T	E	R	U	S	A	N
K	H	A	I	R	U	L	K	H	I	A
K	E	S	U	N	G	G	U	H	A	N
I	B	N	U	S	I	N	A	A	M	S
B	E	R	S	E	M	A	N	G	A	T



Nota Guru

Perbanyak halaman ini.

Fahami gambar di bawah.

Kamala dan keluarga sedang membuat persiapan untuk majlis perkahwinan kakaknya.



Senaraikan tugas yang dilakukan oleh Kamala bersama-sama keluarganya.



Nyatakan perasaan kamu apabila dapat bekerjasama dengan keluarga.



- Bimbing murid untuk menceritakan pengalaman mereka melaksanakan tugas bersama-sama keluarga.



Keseronokan Bekerjasama dalam Keluarga

Baca dan fahami e-mel di bawah.

From: nuileh <nuileh@yahoo.com>
To: jessica@yahoo.com
Cc:
Subject: Persiapan Menyambut Perayaan

Kepada sahabat saya, Jessica.

Apa khabar, Jessica? Keluarga saya baru sahaja selesai menuai padi. Sekarang, kami sibuk dengan persediaan menyambut Pesta Kaamatan.

Saya membantu ibu menyediakan makanan dan minuman. Ayah dan abang mengemas serta mengecat rumah. Kakak dan nenek memasak makanan tradisional. Kami sekeluarga seronok dapat bekerjasama.

Bagaimanakah persiapan Jessica sekeluarga sebelum menyambut perayaan Hari Krismas? Harap Jessica dapat menceritakannya.

Daripada,
Nuileh.





From: jessica <jessica@yahoo.com>
To: nuileh@yahoo.com
Cc:
Subject: Re:Persiapan Menyambut Perayaan

Kepada sahabat yang dihormati, Nuileh.

Saya sihat. Kami sekeluarga akan menyambut Hari Krismas pada 25 Disember nanti. Kami akan bekerjasama membuat persiapan sebelum perayaan.

Saya dan kakak menghias pokok Krismas dengan lampu yang berwarna-warni. Ibu dan adik membalut hadiah untuk diberikan kepada ahli keluarga serta tetamu. Ayah menggantung hiasan pada pintu. Kami bekerjasama menceriakan ruang tamu. Saya sekeluarga berasa sangat gembira untuk menyambut Hari Krismas.

Daripada,
Jesica.



Nyatakan kebaikan keluarga Nuileh dan Jesica mengamalkan sikap bekerjasama.



Ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya keluarga kamu tidak bekerjasama.



12.1
12.2
12.3
12.4
12.5



Nota Guru

- Bimbing murid untuk menjalankan aktiviti simulasi bekerjasama dalam keluarga semasa menyambut perayaan.





Poster Kerjasama

Mari kita hasilkan poster.

Cara menjalankan aktiviti:

1. Susun perkataan menjadi slogan.

BAHAGIA


KELUARGA

HIDUP

BEKERJASAMA

2. Tuliskan slogan pada poster.

3. Warnakan poster.



Nota Guru

- Perbanyak halaman ini mengikut saiz yang sesuai.
- Minta murid menyenaraikan tugasan yang dilakukan bersama-sama keluarga.
- Bimbing murid untuk menyatakan kesan bekerjasama dan tidak bekerjasama berdasarkan gambar.



Kerjasama Keluarga

Mari bernyanyi.


Kerjasama hei kerjasama keluarga } 2x
Hei, mari adik kakak, kita bantu semua

Mari kita bekerjasama
Hulur tangan ringankan beban
Buat kerja bersama-sama
Hati riang erat hubungan

Kerjasama hei kerjasama keluarga } 2x
Hei, mari adik kakak, kita bantu semua

Mari adik, kakak dan abang
Kemas rumah juga halaman
Indah bersih hati pun senang
Hidup sihat, ceria dan aman

Kerjasama hei kerjasama keluarga } 2x
Hei, mari adik kakak, kita bantu semua.



Lengkapkan jadual berdasarkan lagu.

Cara bekerjasama:

1. _____
2. _____

Perasaan setelah bekerjasama:

1. _____
2. _____

12.1
12.2
12.4



Nota Guru


- Bimbing murid untuk menyanyikan lagu mengikut rentak lagu *Rasa Sayang*.
- Bantu murid melengkapkan jadual.



Gotong-royong Keluarga

Teliti gambar dan lengkapkan borang.

Kami sekeluarga pulang ke kampung untuk bekerjasama membersihkan rumah nenek yang ditinggalkan.



Cara menjalankan aktiviti:

1. Jalankan aktiviti ini secara berkumpulan.
2. Berdasarkan gambar yang diberi, lengkapkan borang.
3. Tampal pada dinding.
4. Kumpulan lain memberikan komen pada hasil perbincangan.

Borang Kerjasama dalam Keluarga

Ahli Keluarga	Tugasan
Ayah	
Ibu	
Abang	
Kakak	
Saya	



Banding bezakan kesan bekerjasama dan tidak bekerjasama dalam keluarga.



12.1
12.2
12.3



Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.
- Bimbing murid untuk menjalankan aktiviti pembelajaran abad ke-21 (*Gallery Walk*).
- Bantu murid membuat aktiviti banding beza.



Uji Diri

Jawab soalan di bawah.

Keluarga kamu berpindah ke rumah baharu.



1 Senaraikan tugas yang boleh kamu lakukan bersama-sama keluarga.

- a) _____
- b) _____
- c) _____
- d) _____

2 Nyatakan perasaan kamu setelah menyusun atur barang-barang di rumah baharu.

- a) _____



Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.



Baca dan fahami dialog.

1

Beng Huat,
lihat iklan itu. Kita
patut menjimatkan
air dan elektrik
dalam keluarga.

2

Ya, ibu. Saya menutup
pili air semasa
menggosok gigi.
Saya juga menutup
suis lampu dan kipas
selepas digunakan.



3

Ya, bagus.
Kita patut bersikap
sederhana untuk
mengelakkan pembaziran.

4

Saya gembira
kerana keluarga kita
bersikap sederhana.



Nyatakan kebaikan bersikap sederhana dalam keluarga.
Ceritakan cara kamu sekeluarga mengelakkan pembaziran.





Sikap Bersederhana Elakkan Pembaziran

Teliti grafik di bawah.



Keluar dari bilik tidur.

Cara bersederhana:
Menutup suis penyaman udara.

Kebaikan bersederhana:
Menjimatkan tenaga elektrik.

Ibu memasak lauk-pauk kegemaran.

Cara bersederhana:
Makan mengikut keperluan.

Kebaikan bersederhana:
Menjaga kesihatan.



Mengelap tangan menggunakan tisu.

Menerima wang belanja daripada ayah.

Cara bersederhana:
Gunakan sapu tangan.

Cara bersederhana:
Merancang perbelanjaan.

Kebaikan bersederhana:
Mengurangkan sampah.

Kebaikan bersederhana:
Berjimat cermat.



Berjimat cermat amalan mulia. Bagaimanakah kamu sekeluarga mengamalkan sikap berjimat cermat?



13.1
13.2
13.3



Nota Guru

Bimbing murid menjawab soalan.





Permainan Warna Ajaib

Mari bermain.

Cara Bermain

1. Murid duduk di dalam bulatan kecil.
2. Murid membaling bola pingpong ke dalam bekas telur secara bergilir-gilir.
3. Jika bola pingpong masuk ke dalam ruang kuning, murid perlu menjawab soalan berdasarkan kad situasi.
4. Jika bola pingpong masuk ke dalam ruang merah, murid tidak perlu menjawab soalan.
5. Jawapan yang betul akan diberikan markah.

Alatan dan Bahan

Bekas telur dan bola pingpong.



Situasi 1

Bagaimanakah adik mencuci tangan tanpa membazirkan air?



Situasi 2

Bagaimanakah kamu makan secara tidak membazir?



Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan permainan di atas mengikut kreativiti.
- Sediakan situasi tambahan jika perlu.





Kotak Pelbagai Guna


Mari hasilkan kotak pelbagai guna.

Alatan dan Bahan

Kotak kasut, kertas pembalut hadiah, pita pelekat, gunting, pembaris dan pen penanda.



1 Tandakan bentuk "V" pada kedua-dua bahagian kotak kasut dan potong.



2 Lipatkan kotak.



3 Lekatkan kedua-dua bahagian kotak dengan pita pelekat.



4 Lekatkan sisi kotak dengan pita pelekat.



5 Balut dengan kertas pembalut.



6 Hiaskan.



Bagaimanakah penghasilan kotak pelbagai guna ini dapat menunjukkan sikap sederhana kamu dalam keluarga?

13.1
13.3
13.5



Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti.
- Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.
- Galakkan murid menggunakan kotak pelbagai guna ini di rumah.



Bersederhana Amalan Sihat

Fahami gambar dan lengkapkan jadual menu.

Petra dan keluarganya ke restoran untuk makan tengah hari. Bantu keluarga Petra untuk memilih menu yang sederhana dan sihat.



IMBAS SAYA

Restoran Seribu Rasa

Menu Lauk

Kari ayam.
Ayam masak merah.
Ayam goreng.
Sambal udang.
Ikan masak pedas.
Ikan bakar.
Sotong bakar.

Buah-buahan *Istimewa hari ini*

Tembikai.
Pisang.
Betik.

Sayur

Bendi tumis.
Kangkung goreng.
Sayur campur.
Sup sayur.
Ulam-ulaman.

Menu Makan tengah hari

Menu	Kebaikan



Apakah cara pemakanan sihat yang patut kamu amalkan?



Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas berdasarkan piramid makanan.





Amalan Sederhana Menjaga Alam

Fahami situasi dan lengkapkan jadual di bawah.



Saya dan keluarga mengamalkan amalan 3R.



Guna semula (*Reuse*).

Bahan	Cara
1. Balang biskut	Dijadikan sebagai bekas menyimpan guli.
2. _____	_____

Kitar semula (*Recycle*).

Bahan	Cara
1. Surat khabar lama	Dijadikan kertas kitar semula.
2. _____	_____

Pengurangan bahan (*Reduce*).

Bahan	Cara
1. Tisu	Gunakan sapu tangan.
2. _____	_____



Mengapakah setiap ahli keluarga patut mengurangkan pembuangan sampah?

13.1
13.2
13.3



Nota Guru

- Bantu murid menjalankan aktiviti.
- Bimbing murid memahami konsep 3R.



Uji Diri

Tulis amalan sederhana kamu sekeluarga berdasarkan gambar yang diberikan.



Tindakan bersederhana:

1. _____
2. _____

Kebaikan bersikap sederhana:

1. _____
2. _____



Tindakan bersederhana:

1. _____
2. _____

Kebaikan bersikap sederhana:

1. _____
2. _____



Tindakan bersederhana:

1. _____
2. _____

Kebaikan bersikap sederhana:

1. _____
2. _____



Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.

UNIT 14



TOLERANSI SESAMA AHLI KELUARGA



Konsep

Fahami dialog di bawah.

1 Ayah naiklah dahulu. Saya boleh naik dengan ibu di belakang.

2 Terima kasih kerana bertolak ansur dengan ayah.



Berdasarkan dialog, nyatakan cara Amarjit bertoleransi dengan ayahnya.



Apakah perasaan kamu apabila dapat bertoleransi terhadap keluarga?

14.1
14.2
14.4



Nota Guru

- Bimbing murid menjawab soalan.



Suresh yang Toleransi

Fahami cerita dan peta dakap.



Suresh ingin ke taman permainan tetapi abangnya, Raj ingin ke kelas tambahan.



Tayar basikal Raj pancit. Dia ingin meminjam basikal Suresh.



Raj merayu kepada Suresh kerana ingin segera ke kelas tambahan.



Suresh meminjamkan basikal kepada abangnya.



Raj mengucapkan terima kasih dan berasa gembira dengan sikap Suresh.

Peta Dakap Toleransi dalam Keluarga



Nyatakan contoh sikap toleransi Suresh.
Mengapakah kamu perlu bertoleransi terhadap keluarga?

- Nota Guru**
- 14.1
 - 14.2
 - 14.3
 - 14.4
 - 14.5



- Bimbing murid memahami cerita dan peta dakap.
- Minta murid melakonkan cerita.







Buku Skrap Toleransi

Mari hasilkan buku skrap.


Warnakan gambar dan tampalkan pernyataan di tempat kosong. Kemudian, hasilkan sebuah buku skrap.




Berkongsi
mainan



Bersabar



Mengeratkan
hubungan




Mengelakkan
pergaduhan

Situasi 1: Perselisihan faham.



Cara bertoleransi:

Berbaik-baik.



Kepentingan bertoleransi:

Situasi 2: Tidak mahu berkongsi.



Cara bertoleransi:

Bermain bersama-sama.



Kepentingan bertoleransi:

Cara-cara membuat buku skrap.

Alatan dan Bahan

Gunting, penebuk lubang, kertas warna, reben, dan gam.



1 Gunting dan tampal gambar.



2 Susun gambar.



3 Tebuk lubang dan ikat reben.



4 Buku skrap yang telah siap.

14.1
14.2
14.3



Nota Guru


- Perbanyak halaman 100.
- Bimbing murid membuat buku skrap mengikut kreativiti masing-masing.
- Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.




Nota Toleransi

Ayah meninggalkan nota meminta kamu bertoleransi terhadap keluarga.


1 Berebut makanan.




Jangan mengganggu orang lain.



2 Adik merosakkan mainan.



Bertolak ansur ketika memilih tempat duduk.



Arahan:


1. Jalankan aktiviti ini dalam kumpulan.
2. Tuliskan nombor gambar pada nota yang sesuai.
3. Lakonkan situasi dalam gambar sebelum dan selepas bersikap toleransi.

3


Mengganggu abang yang sedang tidur.



Bersabar apabila mainan dirosakkan.



Kawal diri di meja makan.



4

Berebut tempat duduk di dalam kereta.



Nyatakan kebaikan bertoleransi dalam keluarga.
Apakah perasaan kamu setelah mengamalkan sikap toleransi?

14.1
14.2
14.3
14.4
14.5



Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti.



Mari Bertoleransi

Fahami dan selesaikan situasi di bawah.

Sempena hari jadi saya yang kelapan, ayah berjanji akan membawa kami sekeluarga bercuti. Saya mahu bercuti ke Genting Highlands tetapi abang pula ingin ke Bukit Fraser kerana itu merupakan impiannya sejak kecil. Ayah juga lebih suka ke Bukit Fraser kerana pemandangan yang indah.

Memilih Destinasi Percutian

Pilihan saya:
Genting Highlands
Alasan:

Pilihan abang:
Bukit Fraser
Alasan:

Cara saya
bertoleransi:
Alasan:

Perasaan saya setelah
bertoleransi:



Adakah kamu bersetuju dengan sikap toleransi watak di atas? Mengapa?



Nota Guru

• Bimbing murid menjalankan aktiviti.



Uji Diri

A. Tandakan (✓) pada pernyataan yang berkaitan dengan kamu.

1 Kamu boleh bersabar apabila adik menghilangkan pensel warna kamu.

2 Kamu akan memaafkan kakak apabila dia mengejek kamu.

3 Sikap tolak ansur dapat mengeratkan hubungan sesama keluarga.

4 Kamu boleh bersabar dengan sikap abang yang suka membuli kamu.

5 Kamu boleh bertolak ansur apabila ahli keluarga kamu tidak mengamalkan nilai toleransi.

6 Kamu boleh mengawal diri daripada bergaduh dengan adik walaupun kamu tidak bersalah.



Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.



B. Tulis pengalaman kamu bersikap toleransi terhadap ahli keluarga.



Ini ahli keluarga saya.



Ahli keluarga	Pengalaman bertoleransi terhadap ahli keluarga.
Datuk 	
Nenek 	
Ayah 	
Emak 	
Abang 	
Kakak 	
Adik 	



Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Darjah	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL